



**PEJABAT KETAU PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENAMATAN PENGGUNAAN MESIN FAKSIMILI DAN INTEGRASI E-MEL KE
DALAM CASE MANAGEMENT SYSTEM (CMS) DI MAHKAMAH-MAHKAMAH
SELURUH MALAYSIA BERMULA 1 JANUARI 2021**

Bermula 1 Januari 2021, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) akan menamatkan penggunaan mesin faksimili sebagai medium komunikasi di Mahkamah-Mahkamah seluruh Malaysia. Sebagai ganti dan bagi tujuan mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat, e-mel akan digunakan. Selain itu, penggunaan e-mel ini akan diintegrasikan ke dalam Case Management System (CMS).

Bagi memudahkan pemegang-pemegang taruh dan orang awam untuk mengakses alamat e-mel setiap Pejabat Pendaftaran dan bilik-bilik bicara Mahkamah, Pejabat ini akan memuat naik semua alamat-alamat e-mel tersebut ke dalam Portal Rasmi PKPMP dan Portal Rasmi Mahkamah Negeri masing-masing. Pautan bagi Portal Rasmi tersebut adalah seperti berikut:

- 1) PKPMP - www.kehakiman.gov.my
- 2) Kuala Lumpur – <http://kl.kehakiman.gov.my/>
- 3) Selangor – <http://selangor.kehakiman.gov.my/>
- 4) Johor – <http://www.kehakiman.gov.my/johor/>
- 5) Kelantan – <http://kelantan.kehakiman.gov.my/>
- 6) Pahang – <http://pahang.kehakiman.gov.my/>
- 7) Kedah – <http://kedah.kehakiman.gov.my/>
- 8) Perak - <http://perak.kehakiman.gov.my/>
- 9) Perlis – <http://www.kehakiman.gov.my/perlis/>
- 10) Melaka – <http://www.kehakiman.gov.my/melaka/>
- 11) Negeri Sembilan – <http://www.kehakiman.gov.my/nsembilan/>

- 12) Terengganu – <http://www.kehakiman.gov.my/terengganu/>
- 13) Pulau Pinang – <http://www.kehakiman.gov.my/pulaupinang/>
- 14) Sabah dan Sarawak - <https://judiciary.kehakiman.gov.my/portals/>

Pejabat ini berharap inisiatif penamatan penggunaan mesin faksimili dan pengintegrasian e-mel ke dalam sistem CMS ini dapat memudahkan penghantaran surat atau dokumen Mahkamah dengan lebih cepat dan efisien di samping menyokong inisiatif pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh. Selain itu, inisiatif ini juga akan dapat membantu memulihara alam sekitar dengan mengurangkan jejak karbon dan sekaligus menjimatkan kos percetakan dalam kerja-kerja sehari-hari. Pejabat ini juga percaya sokongan padu daripada semua pemegang taruh dan masyarakat yang lain akan dapat menjayakan usaha dan langkah jangka panjang ke arah membina sebuah masyarakat penyayang dan mesra alam.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 28 November 2020